



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1989

---

PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI UPACARA RASMI BAGI PEGAWAI  
TADBIR DAN DIPLOMATIK

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menetapkan pakaian bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik semasa menghadiri upacara-upacara rasmi.

2. PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI UPACARA RASMI PADA WAKTU  
SIANG

2.1 Pakaian Pegawai Lelaki

Pakaian pada waktu siang bagi pegawai lelaki ialah jaket berwarna putih, seluar berwarna hitam, apolet, georget, songkok, sarung kaki dan kasut berwarna hitam.

2.1.1 *Jaket*

Jaket berwarna putih yang dibuat daripada kain jenis *English Terylene Worsted off White* dengan kolar yang berkepuk dan dihiasi dengan lima biji butang tembaga besar di bahagian hadapan dan tiga biji butang tembaga kecil di *cuff* yang dilapik dengan sekeping kain baldu berwarna hitam berjalur warna emas serta satu butang kecil tembaga di tiap-tiap poket kecil. (*Sila lihat rajah 1 dan 2*).

2.1.2 *Seluar*

Seluar berwarna hitam daripada kain jenis *Hefti Switzerland* berjalur warna emas berukuran selebar 1.5 cm di sebelah kiri dan kanan seluar. (*Sila lihat rajah 3*).

2.1.3 *Apolet*

Apolet daripada baldu berwarna hitam, bertekad dengan benang emas berbentuk bunga padi di sekelilingnya dan bertekad benang emas lambang Malaysia dan daun bunga raya di tengahnya. (*Sila lihat rajah 4*).

#### 2.1.4 *Georget*

Georget daripada baldu berwarna hitam bertekad benang emas berbentuk bunga padi di sekelilingnya. Di tengah georget bertekad benang emas bunga padi dan huruf "PTD". (*Sila lihat rajah 5*).

#### 2.1.5 *Songkok*

Songkok daripada baldu berwarna hitam berjalur warna emas berukuran selebar 1.5 cm di sekelilingnya. Lencana Malaysia bercelup emas disematkan di atas jalur di sebelah kiri bucu hadapan songkok. (*Sila lihat rajah 6*).

#### 2.1.6 *Kasut*

Kasut hitam berkilat (*Black Ankle Boot*) berzip dan bertumit 3.8 cm tinggi.

### 2.2 **Pakaian Pegawai Wanita**

Pakaian pada waktu siang bagi pegawai wanita ialah jaket berwarna putih, kain sarung berwarna hitam, apolet, georget, topi, tas tangan dan kasut berwarna hitam.

#### 2.2.1 *Jaket*

Jaket berwarna putih dibuat daripada kain jenis *English Terylene Worsted off White* dengan kolar yang berkepek dan dihiasi dengan lima biji butang tembaga besar di bahagian hadapan dan tiga biji butang tembaga kecil di *cuff* yang dilapik dengan sekeping kain baldu berwarna hitam berjalur warna emas. (*Sila lihat rajah 2 dan 7*).

#### 2.2.2 *Kain Sarung*

Kain sarung dibuat daripada kain jenis *Hefti Switzerland* berwarna hitam mengikut fesyen kebaya dengan lipatan di bahagian hadapan dan jalur warna emas berukuran selebar 1.5 cm selari dengan lipatan. (*Sila lihat rajah 8*).

#### 2.2.3 *Apolet*

Apolet daripada baldu berwarna hitam, bertekad dengan benang emas berbentuk bunga padi di sekelilingnya dan bertekad benang emas lambang Malaysia dan daun bunga raya di tengahnya. (*Sila lihat rajah 4*).

#### 2.2.4 *Georget*

Georget daripada baldu berwarna hitam bertekad benang emas berbentuk bunga padi di sekelilingnya. Di tengah georget bertekad benang emas bunga padi dan huruf "PTD". (*Sila lihat rajah 5*).

#### 2.2.5 *Topi*

Topi daripada baldu berwarna hitam berbentuk bulat dan berbucu di hadapan serta berjalur warna emas berukuran selebar 1.5 cm di sekeliling kakinya. Lencana Malaysia bercelup emas disematkan di atas jalur warna emas di sebelah kiri bucu hadapan topi. Di sebelah belakang topi dihiasi dengan riben kecil daripada satin berwarna hitam. (*Sila lihat rajah 9*).

### 2.2.6 *Tas Tangan Hitam*

Tas tangan berwarna hitam dan bertali panjang.

### 2.2.7 *Kasut*

Kasut hitam berkilat, jenis bertutup penuh dan bertumit 5 cm tinggi.

## 3. PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI UPACARA RASMI PADA WAKTU MALAM

### 3.1 **Pakaian Pegawai Lelaki**

Pakaian pada waktu malam bagi pegawai lelaki ialah *mess-kit* jaket berwarna putih, seluar panjang berwarna hitam, bow berwarna hitam, apolet, bengkung, sarung kaki dan kasut berwarna hitam.

#### 3.1.1 *Mess-kit Jacket*

*Mess-kit* jaket berwarna putih dan dihiasi dengan tiga biji butang tembaga kecil di *cuff* yang dilapik dengan sekeping kain baldu berwarna hitam berjalur warna emas. Lencana Malaysia dilapik dengan kain baldu berwarna hitam berukuran mengikut potongan lencana, disematkan di sebelah kiri dan kanan *lapel mess-kit* jaket. (Sila lihat rajah 10 dan 11).

#### 3.1.2 *Seluar*

Seluar dibuat daripada kain jenis *Hefti Switzerland* berwarna hitam dengan jalur warna emas berukuran selebar 1.5 cm. (Sila lihat rajah 3).

#### 3.1.3 *Apolet*

Apolet seperti di rajah 4 dipakai di atas bahu kiri dan kanan *mess-kit* jaket.

#### 3.1.4 *Bengkung*

Bengkung dibuat daripada jenis songket berwarna emas yang ditunen di atas kain berwarna hitam berukuran selebar 11 cm. (Sila lihat rajah 12).

#### 3.1.5 *Kasut*

Kasut hitam berkilat (*Black Ankle Boot*) berzip dan bertumit 3.8 cm tinggi.

#### 3.1.6 *Kemeja*

Kemeja putih dengan bow berwarna hitam.

### 3.2 **Pakaian Pegawai Wanita**

Pakaian pada waktu malam bagi pegawai wanita ialah *mess-kit* jaket, baju panjang, apolet, bengkung dan kasut.

#### 3.2.1 *Mess-Kit Jeket*

*Mess-Kit* jaket berwarna putih dan dihiasi dengan tiga biji butang tembaga kecil di *cuff* yang dilapik dengan sekeping kain baldu berwarna hitam berjalur warna emas. Lencana lambang Malaysia dilapik dengan kain baldu berwarna hitam berukuran mengikut potongan lencana, disematkan di sebelah kiri dan kanan *lapel mess-kit* jaket. (Sila lihat rajah 11 dan 13).

### 3.2.2. *Baju Panjang*

Baju panjang malam wanita berbentuk potongan lurus dan mempunyai lipatan di sebelah belakang serta berlength pendek yang dibuat daripada jenis kain *satin silk* berwarna hitam. Kolarnya berbentuk cekak musang atau congsum bercorak songket emas. (*Sila lihat rajah 14*).

### 3.2.3. *Apolet*

Apolet dipakai di atas bahu kiri dan kanan *mess-kit* jaket. (*Sila lihat rajah 4*).

### 3.2.4. *Bengkung*

Bengkung daripada songket berwarna emas yang ditunen di atas kain berwarna hitam berukuran selebar 8 cm. (*Sila lihat rajah 15*).

### 3.2.5. *Kasut*

Kasut hitam berkilat, jenis bertutup penuh dan bertumit 5 cm tinggi.

## 4. PEMAKAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

4.1 Darjah kebesaran, bintang dan pingat hendaklah dipakai semasa memakai pakaian menghadiri upacara-upacara rasmi. Manakala anak-anak bintang (*miniature*) pula dipakai sewaktu memakai pakaian menghadiri upacara-upacara rasmi pada waktu malam. Peraturan memakai darjah kebesaran, bintang dan pingat serta anak-anak bintang adalah seperti yang ditetapkan oleh Cawangan Istiadat, Jabatan Perdana Menteri.

## 5. PERUBAHAN

5.1 Pada asasnya pakaian semasa menghadiri upacara rasmi bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah sama seperti pakaian sekarang. Pindaan-pindaan am adalah pada georget, tambahan hiasan di lengan jaket (pakaian siang) dan *mess-kit jaket* (pakaian malam) dan lapik berwarna hitam bagi lencana yang disemat pada lapel *mess-kit* jaket.

5.2 Pindaan khusus bagi pakaian pegawai lelaki ialah pada kasut, bengkung dan jalur berwarna emas di tepi kiri dan kanan seluar.


5.3 Pindaan khusus bagi pakaian pegawai wanita ialah pada topi, kain sarung (pakaian siang), baju panjang (pakaian malam) dan bengkung.

## 6. PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling Perkhidmatan ini dikhususkan untuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik semasa menghadiri upacara-upacara rasmi. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1975 adalah masih berkuatkuasa bagi Pegawai Tadbir dan Profesional dalam perkhidmatan pengurusan dan ikhtisas yang lain.

**7. TARIKH KUATKUASA**

7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.




**(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

*Tarikh: 1 Ogos, 1989.*


Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.  
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

RAJAH 1

PAKAIAN PEGAWAI LELAKI WAKTU SIANG




**RAJAH 2**  
**LENGAN JAKET**




RAJAH 3

SELUAR PEGAWAI LELAKI UNTUK PAKAIAN  
SIANG DAN MALAM






RAJAH 4 APOLET




KANAN

KIRI




RAJAH 5 GEORGET

RAJAH 6 SONGKOK



Pandangan dari hadapan




Pandangan dari tepi

RAJAH 7




PAKAIAN PEGAWAI WANITA WAKTU SIANG




RAJAH 8 KAIN SARUNG PAKAIAN PEGAWAI WANITA WAKTU SIANG



RAJAH 9 TOPI PEGAWAI WANITA




RAJAH 10  
PAKAIAN PEGAWAI LELAKI WAKTU MALAM



**RAJAH 11**


**LENCANA MALAYSIA PADA LAPEL  
JAKET PAKAIAN MALAM**



**Lapitan baldu  
hitam**


**RAJAH 12 BENGKUNG LELAKI**

**Songket Benang Emas  
Atas Kain Hitam**






RAJAH 13  
PAKAIAN PEGAWAI WANITA WAKTU MALAM



**RAJAH 14**  
**BAJU PANJANG PEGAWAI WANITA WAKTU MALAM**



**BELAKANG**

**HADAPAN**

RAJAH 15

Bengkung wanita dari songket  
benang emas atas kain hitam

